

SS DATUK, BENARKAH BAGI PENUNTUT ILMU ITU DIPERMUDAHKAN LALUAN KE SYURGA? MOHON JELASKAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين، ونصلي ونسلم على أشرف الأنبياء
والمرسلين، وعلي اله
وأصحابه أجمعين.

Alhamdulillah, memang benar Allah SWT memudahkan bagi penuntut ilmu itu, jalan ke syurga seperti penjelasan daripada sebuah hadith *syarif* yang berbunyi:

عن أبي الدرداء رضي الله قال: قال النبي صلى الله عليه وسلم مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَبْتَغِي فِيهِ عِلْمًا، سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ، وَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ لَتَضَعُ أَجْنِحَتَهَا لِطَالِبِ الْعِلْمِ رِضًا بِمَا صَنَعَ، وَأَنْ الْعَالَمَ لَيْسْتَغْفِرَ لَهُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ حَتَّى الْحِيتَانِ فِي الْمَاءِ، وَفَضَّلُ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِ الْقَمَرِ عَلَى سَائِرِ الْكَوَاكِبِ، وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، وَإِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورَثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا، إِنَّمَا وَرَثُوا الْعِلْمَ، فَمَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحِظِّ وَافِرٍ.

(رواه أبو داود والترمذي)

Maksudnya:

Dari Abu ad-Darda ra; telah bersabda Nabi SAW: “Sesiapa yang berusaha atau merintis satu jalan untuk mencari (menuntut) ilmu, nescaya Allah SWT mempermudah kepadanya laluan ke syurga. Dan sesungguhnya Malaikah mengembangkan sayapnya kepada penuntut ilmu itu, kerana suka terhadap apa yang dilakukan itu. Dan orang yang menuntut ilmu itu, telah meminta ampun baginya oleh penghuni langit dan bumi sehinggakan ikan-ikan di dalam air (laut) dan kelebihan orang yang berilmu itu, dengan seorang ahli ibadah (abid) adalah umpama bulan dengan bintang-bintang lain, dan sesungguhnya ulama’ adalah pewaris para Nabi, dan para Nabi tidak meninggalkan wang dinar dan dirham, akan tetapi mereka meninggalkan ilmu, sesiapa yang dapat mengambilnya, bermakna dia mendapat habuan yang amat besar.

(Hadis Riwayat Abu Daud dan Tarmizi)

Melalui penthaudihan hadith di atas tadi, mafhumlah kita betapa pentingnya ilmu itu, begitu juga peri pentingnya menuntut ilmu itu serta menyebarkannya semula agar memberi cahaya

daripada gelita kejahilan. Ini kerana, sesungguhnya dengan ilmu sahajalah manusia dapat membina tamaddun dan maju dalam kehidupan mereka, sehingga mereka dapat membangunkan suatu sistem yang pelbagai, demi kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Para hukama pernah menyebutkan yang maksudnya:

“Sesiapa yang berhajat untuk mendapat kehidupan yang bahagia di dunia, maka hendaklah ia berilmu, dan sesiapa yang berhajatkan kebahagiaan di akhirat maka hendaklah ia berilmu, dan sesiapa yang hendakkan kedua-duanya sekali yakni dunia dan akhirat, maka hendaklah ia berilmu”.

Dalam hal ini Allah SWT memberikan janjiNya. Begitu juga Rasul SAW terhadap ilmu dan mereka yang bergelar ulama musayiran dengan firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran ayat 18 yang berbunyi:

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَانِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ
الْحَكِيمُ ١٨

Maksud ayat:

“Allah sendiri menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan hanya Dia dan para malaikah dan orang-orang yang berilmu, juga (turut menyaksikannya). Ia mentadbirkan dengan adil. Tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana”.

Jelaslah disini, Allah SWT menjelaskan kepada sekalian makhluknya dengan dalil-dalil dan bukti-bukti bahawasanya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia sahaja yang mentadbirkan seluruh alam ini dengan penuh keadilan selaku sifat uluhiyyahnya yang tetap, dan malaikah-malaikah serta orang-orang yang berilmu mengakui demikian juga, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia sahaja Yang Maha Berkuasa dan Maha Bijaksana.

Perkataan (شهد) disini dithaudihkan oleh Allah SWT kepada makhluknya bahawa Dialah Tuhan yang Esa, dan Dia juga yang mengatur alam ini, yang kewujudannya adalah daripada hasil ciptaannya. Penjelasan (شهد) atau kesaksian yang tertinggi itu *“Tiada Tuhan Melainkan Dia”* dan kesaksian itu, datang dari Allah SWT sendiri. Dinyatakan juga melalui ayat suci ini bahawa kesaksian yang tertinggi itu juga diberikan kepada orang-orang yang berilmu iaitu orang-orang yang sentiasa menyediakan akal dan fikirannya untuk menyelidiki alam ini samada di bumi, di laut atau di langit baik binatang atau tumbuhan. Akhirnya manusia akan sampai juga kepada natijah kesaksian murni iaitu Tiada Tuhan Melainkan Allah SWT.

Demikianlah penjelasan kami mengenai penuntut ilmu dan orang-orang yang berilmu yang dipandang tinggi oleh Islam seperti dijelaskan dalam hadith dan ayat al-Quran tadi.

Mudah-mudahan penjelasan ini memberi manfaat kepada kita khususnya kepada yang bertanya.

والله تبارك وتعالى أعلم

Disediakan oleh:

PEJABAT MUFTI NEGERI SABAH
KOTA KINABALU
29 Mei 2001